



Masri mengangkat sumpah sebagai Datuk Bandar MBS yang baharu di hadapan Aminuddin di Wisma Negeri, Seremban semalam.

(Foto BERNAMA)

# Masri Datuk Bandar MBS

**Seremban:** Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengerus), Datuk Masri Razali dilantik sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seremban (MBS) yang baharu bermula, semalam.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, dalam satu kenyataan, semalam berkata Masri, 49, menggantikan Datuk Zazali Salehudin yang bersara wajib dalam perkhidmatan awam.

Beliau berkata, penyerahan tugas dan proses mengangkat sumpah telah berlangsung mengikut prosedur operasi standard (SOP) seperti ketetapan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Masri adalah lulusan Sarjana (Pentadbiran Perniagaan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam pada 1997 sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.

Beliau seterusnya dilantik

sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Jabatan Kemaajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun sama serta pernah berkhidmat di Kementerian Dalam Negeri, Institut Tadbiran Awam Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Masri yang berpengalaman luas dalam perkhidmatan awam juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JAKIM sebelum dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pengerus) pada 2015.

Aminuddin berkata, kerajaan negeri turut merakamkan penghargaan kepada Zazali atas perkhidmatan beliau sebagai Datuk Bandar MBS sejak 1 Januari tahun lalu.

“Ketika perkhidmatan beliau, Seremban berjaya dinaikkan taraf sebagai sebuah bandar raya dan buat kali pertamanya, dua pihak berkuasa tempatan digabungkan untuk membentuk Majlis Bandaraya Seremban,” katanya.